

## SENTUHAN KASIH TANI BERSAMA YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN



Telupid, 16 Oktober – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah menyalurkan beberapa insentif hari ini seperti Program Kebuniti, Program Pertanian Organik dan MAFI Prihatin melalui penganjuran Program Sentuhan Kasih Tani bersama YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang bertempat di Dewan Kg. Bauto, Telupid, Sabah.

Pandemik COVID-19 dan langkah mitigasi yang diambil bagi melandaikan keluk pandemik ini telah menguji daya tahan sistem makanan negara sekaligus telah memberi kesedaran terhadap betapa pentingnya pengeluaran bahan makanan tempatan dan rantai bekalan makanan yang terjamin serta stabil. Dalam hal ini, MAFI sentiasa berusaha meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik serta memberi nilai tambah dalam kehidupan rakyat melalui peluang limpahan ekonomi hasil daripada aktiviti pertanian.

Secara keseluruhan Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM63.32 juta setakat ini kepada MAFI bagi menjayakan Program Kebuniti di seluruh Malaysia. Ia memberi manfaat dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran setempat selain menjana peluang pekerjaan dan menyokong kepada keperluan makanan penduduk bandar dan luar bandar.

Seramai 300 peserta daripada pelbagai kampung di Telupid, Sugut dan Labuk akan menyertai Program Kebuniti hari ini. Peserta Program Kebuniti ini menjalankan kaedah penanaman secara konvensional dengan insentif pertanian seperti pasu panjang (planter box), peralatan kecil, baja dan benih tanaman.

DOA telah menerima peruntukan berjumlah RM10 juta dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM500,000 telah disalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri Sabah pada 10 Mei 2021. Seramai 27 komuniti di daerah Beluran, Sabah melibatkan seramai 83 orang peserta dengan keluasan seluas 33 hektar telah menerima manfaat daripada Program Pertanian Organik.

Terdahulu, Dr. Ronald juga berkesempatan menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada penduduk sekitar Kampung Bauto, Telupid yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Inisiatif MAFI Prihatin ini dijayakan melalui kerjasama Persatuan Gabungan Pekebun Buah-Buahan Malaysia (FMFFA) dan Persatuan Buah-buahan Negeri Sabah melalui sumbangan 250 kotak bantuan makanan berupa bahan makanan asas seperti beras, gula, tepung dan sebagainya untuk diserahkan kepada kumpulan sasar yang dikenalpasti.